

NAMA : TINGKATAN :

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

MODUL PINTAS KUALA LUMPUR 2025**PRINSIP PERAKAUNAN 3756/2****TINGKATAN 5****Kertas 2****2 ½ jam**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
- 2 Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
- 3 Tulis jawapan anda pada Kertas Helaian Tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
- 4 Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
- 5 Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
- 6 Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
- 7 Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
- 8 Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.
- 9 Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **11** halaman bercetak.

Bahagian A[60 *markah*]*Jawab semua soalan*

- 1 (a) Perabot Bagus Enterprise membeli sebuah komputer bernilai RM4 000 pada tahun 2022. Susut nilai komputer dikira pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Dalam Penyata Kewangan pada 31 Disember 2024, komputer direkodkan pada harga asal walaupun nilainya telah berkurangan.

Nyatakan 2 prinsip perakaunan yang diamalkan oleh Perabot Bagus Enterprise

[2 *markah*]

- (b) Perbualan berikut berlaku antara dua rakan yang bekerja di Kedai Perabot Cemerlang.

Siti : Aminah, Bahagian Jualan telah menjual rak kaunter yang tidak diperlukan lagi kepada Koperasi Serbaguna secara kredit.
Aminah : Okey Siti. Saya akan tunggu salinan invois sebelum membuat catatan dalam lejar. Terima kasih

Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan untuk urus niaga di atas.

[2 *markah*]

- (c) Perniagaan Murni menawarkan 20% diskaun niaga bagi pembelian cat yang melebihi 60 tin. Harga selepas diskaun niaga ialah RM720. Hitung harga asal.

[2 *markah*]

- (d) Data berikut diperoleh daripada Kedai Kasut Juwariah pada 31 Disember 2023

	RM
Jualan	60 000
Inventori awal	3 500
Inventori akhir	4 000
Untung kasar adalah 25% daripada jualan	

Berapakah kadar pusing ganti inventori Kedai Kasut Juwariah ?

[2 *markah*]

- (e) Nyatakan 2 kaedah untuk rekod tak lengkap

[2 *markah*]

- 2 Imbangan Duga berikut diambil daripada Perniagaan Hakeem, sebuah perniagaan milikan tunggal pada 30 Jun 2025.

Perniagaan Hakeem
Imbangan Duga pada 30 Jun 2025

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Julai 2024		78 500
Alatan pejabat	6 400	
Bank	40 980	
Utiliti	1 960	
Kenderaan (kos)	38 000	
Ambilan	900	
Belian dan Jualan	113 460	182 700
Peruntukan hutang ragu		2 000
Susut nilai terkumpul kenderaan		3 800
Sewa	7 800	
Insurans	2 400	
Angkutan keluar	820	
Lengkapan	7 000	
Promosi	740	
Gaji	16 000	
Pinjaman		12 000
Diskaun	540	
Hutang lapuk	500	
Belanja am	240	
Pulangan	400	280
Komisen diterima		480
Tunai	3 580	
Angkutan masuk	380	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	30 940	18 280
Inventori pada 1 Julai 2024	25 000	
	298 040	298 040

Maklumat tambahan

- i. Inventori pada 30 Jun 2025 dinilai seperti berikut :

Produk	Harga kos RM	Harga pasaran RM
Produk A	8 320	9 430
Produk B	9 180	10 120
Produk C	7 300	6 700
Jumlah	24 800	26 250

- ii. Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas baki berkurangan.
iii. Lengkapan pula disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
iv. Pinjaman bank dibuat pada 1 Julai 2022 sebanyak RM20 000. Tempoh pinjaman selama 5 tahun. Kadar faedah atas pinjaman adalah 8% setahun.
v. Utiliti belum bayar RM320.
vi. Insurans untuk tempoh setahun berakhir 31 Ogos 2025.
vii. Pemilik telah mengambil komputer pejabat bernilai RM2 000 untuk kegunaan anaknya. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
viii. Promosi termasuk belanja am bernilai RM100.
ix. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025.
(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025.

[13 markah]

[12 markah]

- 3 Kelab Rekreasi Tangkas beroperasi di Cheras, Kuala Lumpur ditubuhkan pada 1 Julai 2020. Kelab tersebut turut menjalankan perniagaan dobi untuk menambahkan pendapatan kelabnya. Maklumat kewangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 adalah seperti berikut:

	1 Julai 2024 (RM)	30 Jun 2025 (RM)
(i) Baki		
Bangunan kelab (kos)	80 000	80 000
Lengkapan	25 000	20 100
Akaun Belum Bayar (dobi)	3 320	3 370
Inventori dobi	17 360	12 690
Yuran Belum Terima	2 320	2 220
Yuran Belum Terperoleh	-	320
Majalah Belum Bayar	90	130
Inventori alat-alat kecil	30	96
Bank	29 330	
(ii) Penerimaan sepanjang tahun		
Yuran ahli		8 000
Yuran masuk		1 500
Derma (bina gelanggang)		12 500
Hasil perkhidmatan dobi		38 000
Sewa gelanggang		3 000
Kutipan pertandingan sukaneka		4 900
(iii) Pembayaran sepanjang tahun:		
Penyelenggaraan		4 000
Akaun Belum Bayar (dobi)		18 490
Majalah		892
Belanja pertandingan sukaneka		2 730
Lengkapan		1 200
Gaji		6 400
Insurans		2 400
Alat-alat kecil		175

Maklumat tambahan:

- i. Separuh daripada gaji adalah upah pekerja dobi.
- ii. Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan modal.
- iii. 50% daripada yuran belum terima awal dianggap sebagai yuran lapuk.
- iv. Insurans dibayar sehingga 30 September 2025.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran [4 markah]
- (b) Akaun Perdagangan Dobi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 [6 markah]
- (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 [5 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025
(Bahagian Dana Terkumpul) [5 markah]

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



Bahagian B

[40 markah]

Jawab **dua** soalan daripada bahagian ini

- 4 (a) Perkongsian SZW dimiliki oleh Su, Zu & Wa bersetuju membubarkan perkongsian dengan nisbah kongsi untung 3:2:1.

Berikut merupakan kedudukan kewangan perkongsian mereka pada 31 Mei 2025.

Aset	RM
Premis	55 000
Perabot	3 800
Inventori	15 400
Alatan kedai	10 870
Kenderaan	18 000
Akaun Belum Terima	6 530
Bank	21 800
	131 400
Liabiliti	
Akaun Belum Bayar	8 500
Ekuiti Pemilik	
Akaun Modal Su	60 000
Akaun Modal Zu	40 000
Akaun Modal Wa	20 000
Akaun Semasa Su	2 300
Akaun Semasa Zu	1 800
Akaun Semasa Wa	(1 200)
	131 400

Maklumat tambahan :

- i. Aset dijual dengan harga berikut ;

	RM
Perabot	3 000
Inventori	14 600

- ii. Puan Su mengambil alih kenderaan dengan harga RM15 000 manakala Puan Wa mengambil alih premis dengan harga RM45 000.
- iii. Alatan kedai diambil alih oleh Puan Zu dengan nilai RM9 300.
- iv. Perkongsian berjaya mengutip hutang daripada Akaun Belum Terima setelah memberi diskaun RM250.

- v. Belanja realisasi berjumlah RM360.
- vi. Baki Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya dengan cek RM8 300.
- vii. Semasa proses pembubaran, gaji belum bayar RM500 yang tertinggal catat dikesan dan dibayar.
- viii. Sewa diterima RM700 telah dijumpai semasa pembubaran.
- ix. Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Realisasi.

[12 markah]

- (b) Maklumat berikut dipetik daripada buku Syarikat WLS Berhad.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
4 000 000 unit 8% Syer Keutamaan	4 000 000
8 000 000 unit Syer Biasa	4 000 000
	8 000 000

Keuntungan syarikat yang diagihkan untuk pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun:

Tahun	Keuntungan untuk pembayaran dividen RM	Pembayaran Dividen 8% Syer Keutamaan RM	Pembayaran Dividen Syer Biasa RM
2022	950 000		
2023	300 000		
2024	-		
2025	800 000		

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Pembayaran dividen bagi 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa dari tahun hingga 2025 di **Lampiran A** [6 markah]
- (ii) Kadar dividen Syer Biasa bagi tahun berakhir 30 Jun 2025. [2 markah]

- 5 (a) Pada 31 Mei 2025, Syarikat Megah Holding Sdn Bhd menunjukkan baki debit bank RM5 190. Baki ini berbeza dengan baki di Penyata Bank. Perbezaan ini disebabkan oleh perkara-perkara berikut:
- Sewa RM1 000 dan Jualan RM3 300 yang diterima telah direkod dalam buku tunai tetapi belum dikreditkan oleh pihak bank.
 - Cek-cek berikut belum dikemukakan kepada bank:
 - Cek bernombor 201018: Komisen RM1 500
 - Cek bernombor 201022: Gaji RM4 100
 - Cek bernombor 201023: Alatan Pejabat RM580
 - Cek bernombor 201016 berjumlah RM690 untuk bayaran kepada Ilham Trading telah tersilap rekod dalam buku tunai sebagai RM960.
 - Cek RM650 yang diterima daripada Ameega Enterprise pada 16 Mei dipulangkan oleh bank dengan tanda '*Rujuk Pesuruh Bayar*'.
 - Pihak bank telah membayar insurans RM350 bagi perintah sedia ada.
 - Faedah atas simpanan tetap berjumlah RM800 dan bayaran buku cek RM80 belum direkod ke dalam Buku Tunai.
 - Pihak bank telah mengenakan caj bank RM120 sebagai bayaran perkhidmatan.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemaskini Buku Tunai.

[12 markah]

- (b) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Tudung Bella pada bulan Ogos 2025.

- Ogos 2 Beli barang niaga dengan cek RM1 500 (no. cek 200301).
3 Terima cek daripada Sadiq bernilai RM1 520.
5 Bayar Perniagaan One dengan cek RM5 600 (no. cek 200302). Terima diskaun RM400.
7 Menjual barang niaga secara tunai RM1 600.
11 Bayar premium insurans RM1 000 (no. cek 200303).
15 Mengeluarkan cek bernilai RM3 800 untuk membeli komputer pejabat (no. cek 200304).
16 Mengambil tunai RM200 untuk membayar yuran tuisyen anak.
20 Membeli barang niaga bernilai RM500.
30 Membayar gaji pekerja RM3 000 dengan cek (no. cek 200305).

Anda dikehendaki merekodkan urus niaga di atas di dalam Jurnal Pembayaran Tunai (**Lampiran B**).

[8 markah]

- 6 (a) Rosmah Bakery pengeluaran kek di Kuala Lumpur bercadang untuk mengeluarkan produk baharu berasaskan keju berjenama Kek Cheese Leleh. Harga jualan sepotong kek ialah RM5.00.

Anggaran kos pengeluaran produk berkenaan adalah seperti berikut :

	RM
Susut nilai mesin	1 200
Sewa kilang	800
Tepung kek	1.00 seunit
Keju	0.40 seunit
Telur	0.30 seunit
Lain-lain bahan	0.10 seunit
Upah langsung	0.70 seunit

Anda dikehendaki :

- Menghitung Margin Caruman Seunit. [2 markah]
- Menghitungkan Titik Pulang Modal. [2 markah]
- Berdasarkan jawapan di atas, lukis graf Titik Pulang Modal di **Lampiran C** dengan menggunakan skala 2 cm kepada 200 unit pada paksi-x dan skala 2 cm kepada RM1 000 pada paksi-y. Labelkan semua garisan pada graf dengan menunjukkan Titik Pulang Modal serta lorekkan kawasan untung dan rugi. [6 markah]
- Hitung keuntungan yang diperoleh sekiranya Rosmah Bakery mensasarkan pengeluaran sebanyak 14 000 unit Kek Cheese Leleh dengan kos pengiklanan RM700. [2 markah]
- Nyatakan dua komponen Kos Pengeluaran. [2 markah]

- (b) Maklumat yang berikut adalah yang berkaitan dengan sebuah kenderaan yang dimiliki oleh Perniagaan Jaguh.

Jenis Kenderaan	No. Pendaftaran	Tarikh beli	Kos (RM)
Van	DDF 5010	1 Januari 2023	80 000

Maklumat tambahan

- Van disusutnilaikan pada kadar 20% setahun menggunakan kaedah garis lurus.
- Van tersebut telah dijual dengan cek bernilai RM48 000 pada 30 Jun 2025.
- Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pelupusan Kenderaan

[4 markah]

- (c) Nyatakan **dua** kaedah pengiraan susut nilai Aset Bukan Semasa

[2 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT